

10/07/2004

Hishammuddin, Khairy terus dicalonkan

By Ridzuan Yop; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein mendapat 13 lagi pencalonan menjadikan 23 pencalonan yang diterimanya setakat ini daripada bahagian Pemuda yang bersidang sehingga malam tadi.

Ahli Exco Pergerakan Pemuda, Khairy Jamaluddin pula menerima 11 lagi pencalonan bagi jawatan Naib Ketua Pemuda, menjadikan jumlahnya 21 pencalonan.

Bagaimanapun, bagi jawatan Naib Ketua Pemuda, berlaku kejutan apabila bahagian Kubang Pasu mencalonkan Datuk Mukhriz Mahathir, manakala Gua Musang mencalonkan Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim.

Mukhriz, 40, anak kelima bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini tidak pernah menyatakan hasrat bertanding bagi jawatan berkenaan, manakala Azimi pula menarik diri daripada bertanding.

Semalam Hishammuddin menerima pencalonan dari bahagian Langkawi, Kubang Pasu, Pendang, Baling, Padang Terap, Pengkalan Chepa, Ketereh, Jeli, Gua Musang, Besut, Hulu Terengganu dan Rembau.

Khairy pula menerima pencalonan dari Langkawi, Pendang, Baling, Padang Terap, Pengkalan Chepa, Ketereh, Jeli, Besut, Hulu Terengganu dan Rembau.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil masing-masing menerima 13 lagi pencalonan untuk jawatan Ketua Wanita dan Naib Ketua Wanita Umno.

Dengan pertambahan pencalonan itu, Rafidah dan Shahrizat kini mendapat 17 pencalonan.

Pencalonan diterima daripada Wanita Umno Jeli, Tumpat, Merbok, Langkawi, Baling, Pokok Sena, Kubang Pasu, Alor Star, Bakri, Hulu Terengganu, Ketereh, Tuaran dan Silam.

Kelmarin, Rafidah dan Shahrizat mendapat empat pencalonan daripada Wanita Bahagian Padang Terap, Batu Gajah, Cheras dan Kota Bharu.

Sementara itu, Naib Ketua Puteri Umno, Noraini Ahmad dan Ketua Puteri Umno Sabah, Rosnah Abdul Rashid Sherlin masing-masing memperoleh 17 dan 16 pencalonan. Semalam Noraini menerima pencalonan daripada Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Ketereh, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Besut, Ampang, Pensiangan, Sepanggar, Putatan dan Kubang Pasu.

Ketua Puteri Umno Kedah, Suraya Yaakob menerima enam lagi pencalonan untuk Ketua Puteri, menjadikan jumlahnya kepada lapan. Suraya juga setakat semalam menerima satu pencalonan untuk Naib Ketua Puteri.

Ketua Puteri Umno Negeri Sembilan, Bibi Sharliza Mohd Khalid pula mendapat empat lagi pencalonan untuk Naib Ketua Puteri yang masing-masing daripada Jerlun, Pokok Sena, Padang Terap dan Kuala Kedah. Ia menjadikan pencalonannya kepada enam.

Ketua Puteri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Azlinda Mohd Rashad pula menerima satu pencalonan bagi Naib Ketua Puteri. Pencalonan daripada Puteri Umno Jeli itu menjadikan jumlah pencalonannya kepada dua.

(END)